

**Pencarian MH370 kini seluas 2.24 juta batu nautika persegi, kata Hishammuddin  
Malaysian Insider  
18 Mac, 2014  
Oleh Md Izwan**

Kawasan pencarian bagi penerbangan Malaysia Airlines MH370 yang hilang kini diperluaskan sehingga 2.24 juta batu nautika persegi, kata Datuk Seri Hishammuddin Hussein. Pemangku menteri pengangkutan itu mengatakan, kedua-dua koridor utara dan selatan dipecahkan kepada tujuh kuadran setiap satu.

"Di koridor utara dan selatan, setiap kuadran adalah 160,000 batu nautika persegi," katanya pada sidang media yang sesak dengan wartawan di Hotel Sama-Sama, Sepang sebentar tadi.

Menurut Hishammuddin yang juga merupakan menteri pertahanan, Australia dan Indonesia bersetuju untuk mengetuai pencarian di koridor selatan.

"Di koridor utara, China dan Kazakhstan bersetuju untuk mengetuai kawasan pencarian berhampiran dengan negara mereka," katanya.

Setiap koridor disebelah utara dan selatan dipecah kepada tujuh kuadran.

Misi mencari dan menyelamatkan masuk hari ke-11, bagaimanapun tiada sebarang petunjuk terbaru daripada MH370.

Operasi pencarian hari ini juga menyaksikan penambahan aset ketenteraan Malaysia, dua kapal Tentera Laut Diraja Malaysia, sebuah lagi helikopter Super Lynx dan dua buah pesawat C-130 ke koridor selatan.

Beberapa negara besar lain juga menghantar aset ke kawasan mencari, antaranya Amerika Syarikat yang menghantar P-8 Poseidon, Australia menghantar tiga P-3 Orions dan sebuah C-130 Hercules dan beberapa negara lain.

Bagi misi pencarian di koridor selatan, Australia dan Indonesia bersetuju untuk tampil ke depan mengetuai usaha mencari manakala di koridor utara, China dan Kazakhstan bersetuju untuk mengetuai di kawasan tersebut memandangkan ia berhampiran negara mereka.

Kawasan pencarian MH370 ini antara yang terluas dalam sejarah dunia di samping jumlah negara yang turut sama menyertai membantu Malaysia dalam usaha mencari dan menyelamatkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada sidang media khasnya petang Sabtu lalu mengatakan siasatan kini beralih dan tertumpu kepada anak kapal pesawat berdasarkan petunjuk baru.

Menafikan bahawa terdapat unsur rampasan, Najib berkata, pesawat MH370 berpatah balik ke arah barat selaras dengan tindakan yang disengajakan oleh seseorang dalam kapal terbang itu.

MH370 yang membawa 227 penumpang termasuk 12 anak kapal hilang daripada radar selepas sejam berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang dalam perjalanan ke Beijing.

Manakala, Bernama hari ini melaporkan empat kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) hari ini meneruskan operasi mencari dan menyelamatkan pesawat MH370.

Dalam laporan itu, Panglima Wilayah Laut 1, Laksamana Muda Datuk Azhari Abdul Rashid berkata dua kapal, KD Selangor dan KD Kelantan telah berlepas dari Pangkalan TLDM Lumut pada pukul 1 pagi tadi.

"Manakala KD Pahang dan KD Terengganu memulakan perjalanan dari Pangkalan TLDM Tanjung Gelang, di sini pada pukul 2.45 petang tadi," katanya kepada Bernama selepas pihak media menyaksikan pelepasan dua buah kapal itu hari ini.

Azhari berkata KD Pahang dan KD Terengganu akan menyertai misi pencarian pesawat itu di lautan Koridor Selatan yang menjangkau dari Indonesia sehingga ke selatan Lautan Hindi.

Misi kedua-ke dua kapal itu kali ini disertai oleh 150 pegawai dan kakitangan serta dibantu sebuah helikopter Fennex, katanya kepada Bernama.

Pesawat MH370 yang hilang kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada pukul 12.41 pagi 8 Mac lepas membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal. - 18 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pencarian-mh370-kini-seluas-2.24-juta-batu-nautika-persegi-kata-hishammuddi>